

## SURAT AKUAN LESEN PERNIAGAAN (PEMUTIHAN) DAN IKLAN

Saya, .....  
No. Kad Pengenalan ..... beralamat  
di .....  
.....

Adalah seorang warganegara Malaysia dengan sesungguhnya dan sebenar-benarnya menyatakan/ mengaku bahawa :-

1. Saya telah membuat permohonan Lesen Perniagaan (Pemutihan) dan Iklan di Kawasan Majlis Bandaraya Diraja Klang.
2. Saya adalah Pemilik Syarikat .....  
No. Pendaftaran Syarikat .....  
yang berdaftar di Alamat .....  
.....  
.....
3. Saya akan mematuhi dan mengambil maklum syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Diraja Klang seperti berikut :-
  - i. Mengemukakan bukti penyediaan tong sampah jenis 'Mobile Garbage Bin' (MGB) berkapasiti 240 liter di premis;
  - ii. Mengemukakan salinan pembuktian perkhidmatan kawalan serangga perosak atau rodensia (Pest Control);
  - iii. Borang pendaftaran yang telah lengkap diisi bagi program kutipan caj beg plastik atau premis bebas beg plastik Negeri Selangor di Jabatan Pelesenan, Majlis Bandaraya Diraja Klang;
  - iv. Mengemukakan permit pekerja yang sah bagi pekerja warga asing daripada Jabatan Imigresen, Malaysia;
  - v. Mengemukakan kelulusan Permit Bangunan Sementara daripada Jabatan Bangunan, Majlis Bandaraya Diraja Klang. Permohonan pembaharuan lesen pada tahun berikutnya hanya akan dipertimbangkan sekiranya telah mendapat kelulusan Permit Bangunan Sementara tersebut;
  - vi. Mematuhi Surat Akuan Permohonan Lesen Perniagaan dibawah Program Khas Lesen (Pemutihan) iaitu pemberian lesen sementara bagi aktiviti perniagaan di kawasan Majlis Bandaraya Diraja Klang yang berada di luar zon perancangan yang ditetapkan;

- vii. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk menggaji dan /atau mengambil pembantu /pekerja warga asing yang tidak mempunyai pas yang sah selaras dengan peruntukan dibawah Akta Imigresen 1959/63;
  - viii. Pemegang lesen dilarang untuk *sublet* lesen perniagaan yang diluluskan kepada mana-mana warga asing;
  - ix. Pembantu warganegara asing tidak dibenarkan berada di kaunter jualan atau sebagai juruwang "*cashier*";
  - x. Mematuhi syarat-syarat am pelesenan yang ditetapkan oleh Jabatan Pelesenan dan lain-lain jabatan, Majlis Bandaraya Diraja Klang;
  - xi. Syarat-syarat lain yang akan ditetapkan oleh Majlis;
4. Saya juga sedar bahawa Majlis bergantung kepada Surat Akuan saya ini dan saya boleh apabila disabitkan tindakan di bawah mana-mana undang-undang yang digunapakai oleh Majlis Bandaraya Diraja Klang sekiranya saya gagal dan ingkar mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Diraja Klang.

Dan saya membuat Surat Akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalam perakuan ini adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat oleh )

.....)

(No. K/P: ..... )

di dalam negeri )

pada )

Di hadapan saya,

.....

Pesuruhjaya Sumpah